

**SULIT**

**Soalan No: 10**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2014  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI  
SALLEH (KUANTAN)**

**TARIKH : 13 OKTOBER 2014**

**SOALAN : 10**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:-

- a) statistik taburan penempatan Orang Asli serta senarai perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- b) jumlah perkampungan Orang Asli di Semenanjung yang masih tidak mempunyai bekalan air dan elektrik sehingga September 2014.

**SULIT**  
**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Berdasarkan statistik taburan penempatan Orang Asli di Seluruh Semenanjung Malaysia, terdapat sebanyak 853 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf oleh JAKOA dengan jumlah penduduk seramai 178,197 orang. Daripada keseluruhan 853 buah kampung tersebut, sebanyak 262 kampung terletak di dalam Negeri Pahang dengan jumlah penduduk seramai 64,443 orang, 255 buah kampung di Negeri Perak dengan jumlah penduduk seramai 53,299 orang, 118 buah kampung di Negeri Kelantan dengan jumlah penduduk seramai 13,457 orang, 74 buah kampung di Negeri Selangor dengan jumlah penduduk seramai 17,587 orang, 68 buah kampung di Negeri Sembilan dengan jumlah penduduk seramai 10,563 orang, 58 buah kampung di Negeri Johor dengan jumlah penduduk seramai 15,841 orang, 14 buah kampung di Negeri Melaka dengan jumlah penduduk seramai 1,844 orang, 3 buah kampung di Negeri Terengganu dengan jumlah penduduk seramai 893 orang

## SULIT

dan 1 buah kampung di Negeri Kedah dengan jumlah penduduk seramai 270 orang.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya kesemua perkampungan Orang Asli telah mempunyai bekalan air bersih secara alternatif iaitu melalui sumber telaga tiub dan air graviti. Namun begitu, masih terdapat perkampungan Orang Asli yang tidak mempunyai bekalan air terawat. Sehingga September 2014, sebanyak **253 (29 peratus)** buah perkampungan Orang Asli yang melibatkan seramai 22,285 orang masih tidak mempunyai bekalan air terawat.

Bagi perkampungan Orang Asli yang tidak mempunyai bekalan elektrik sehingga September 2014 adalah sebanyak **279 (32 peratus)** buah perkampungan Orang Asli yang melibatkan seramai 37,415 orang.

Usaha-usaha untuk menangani masalah infrastruktur asas diperkampungan Orang Asli dilaksanakan secara

## **SULIT**

berterusan dan mengikut keutamaan. Pada tahun 2015 pihak Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah memohon peruntukan sebanyak RM28 juta untuk pelaksanaan projek bekalan elektrik di 10 perkampungan Orang Asli, manakala sebanyak RM40 juta lagi adalah untuk pelaksanaan projek bekalan air terawat melibatkan 20 buah perkampungan Orang Asli.

Pihak kerajaan begitu komited dan perihatin untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli menerusi pelbagai bantuan dan kemudahan. Pihak Kementerian mensasarkan masalah-masalah berkaitan infrastruktur asas diperkampungan Orang Asli dapat diselesaikan sepenuhnya sehingga penghujung tahun 2017 tertakluk kepada peruntukan yang akan diterima.